



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALL
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4307

Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam

Peringkat Kursus : Sarjana Muda

Masa : 3 jam

Nota :

Jawab **empat** soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN PERTAMA (15 markah)

Harta sepencarian adalah istilah pembahagian harta berdasarkan adat. Sila jelaskan perkara-perkara berikut:

1. Pengertian harta sepencarian. (2 markah)
2. Dalil-dalil yang menunjukkan harta sepencarian tidak bercanggah dengan hukum Syara'. (4 markah)
3. Hak seorang isteri yang hanya merupakan seorang surirumah dalam harta sepencarian yang terdapat di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 serta rujukan terhadap beberapa kes. (5 markah)
4. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh pihak mahkamah dalam menentukan kadar pembahagian harta sepencarian dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (4 markah)

SOALAN KEDUA (15 markah)

1. Sila berikan pengertian talaq dalam hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 beserta dalil dan rujukan bab. (3 markah)
2. Nyatakan cara mnjatuhkan talaq yang dibenarkan di dalam hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (6 markah)
3. Awang Lompang telah menceraikan isterinya dengn satu talaq ketika mereka bertengkar di rumah. Setelah dua bulan berlalu, dia berasa amat menyesal dan ingin kembali kepada isterinya. Sila nasihatkan Awang Lompang akan situasi yang dihadapinya berdasarkan hukum Syara' dan peruntukan dibawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (6 markah)

SOALAN KETIGA (15 markah)

1. Terangkan perbezaan yang terdapat diantara kesan talaq dan fasakh yang dibincangkan oleh fuqaha'. (5 markah).
2. Dayang Melur sudah lima tahun berkahwin. Namun dia tidak pernah kenal apa itu kebahagiaan dalam perkahwinan. Saban hari dia pasti diherdik dan dipukul suaminya. Nafkah perbelanjaan hariannya sebagai isteri jarang diterima. Dia terlalu ingin mengadu kepada keluarganya, tetapi dia diugut oleh suaminya andai perkara hal masalah rumahtangga mereka diketahui keluarganya, maka jatuhlah talaq tiga keatasnya. Dayang Melur sudah tidak mampu bertahan lagi. Sebagai penasihat undang-undang, awda diminta untuk memberi jalan penyelesaian kes Dayang Melur berpandukan hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 dengan menyatakan jenis-jenis pembubaran perkahwinan yang sesuai untuk kes Dayang Melur. (10 markah)

SOALAN KEEMPAT (15 markah)

1. Jelaskan ta'rif nusyuz yang terdapat dalam hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (3 markah)
2. Nyatakan dalil dalam hukum Syara' yang menunjukkan bahawa seseorang isteri itu berhak menerima nafkah. (3 markah)
3. Apakah seorang isteri yang telah diceraikan suaminya berhak mendapatkan nafkah? Sila bincangkan berpandukan hukum Syara', Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 dan kes-kes yang berkaitan.

SOALAN KELIMA (15 markah)

1. Nyatakan pengertian mumayyiz mengikut hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012. (3 markah)

2. Terangkan mengenai hadanah (penjagaan) anak yang belum mumayyiz mengikut hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 beserta dengan rujukan kes-kes yang sesuai. (6 markah)

3. Jelaskan prosedur untuk berpoligami yang diperuntukkan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 dengan sokongan kes – kes. (6 markah)

بالتوفيق والنجاح